	iv.	Menyediakan soalan-soalan peperiksaan untuk rujukan pelajar-pelajar. Kami menghadapi sedikit kesulitan. Akhirnya, tugas berjaya disempurnakan.
November	v.	Pemeriksaan stok buku Kehadiran pengawas-pengawas pusat sumber tidak memuaskan.
Disember	vi.	Pembersihan Pusat Sumber dijalankan.
	vii.	Penyediaan pita bagi bilik APD Prestasi kerja yang ditunjukkan amat memuaskan.

Tahun 1997

Januari	viii.	Sesi pengambilan pengawas pusat sumber yang baru.
	ix.	Bulan kenal-mengenal pusat sumber.
Februari	x.	Minggu Sains dan Matematik
	xi.	Pertandingan 'Mathable' dijalankan.
Mac	xii.	Jualan Jambak dan Minggu Sejarah.
April	xiii.	Pertandingan membaca.
Mei	xiv.	Perbahasan terbuka.

Semua tugas berjalan berjalan dengan lancar. Mesyuarat dijalankan dua minggu sekali pada sesi persekolahan. Disiplin, masalah pentadbiran dan aktiviti semasa dititikberatkan dalam mesyuarat. Kami bersara pada 5 Julai sempena Majlis Perlantikan dan Perpisahan AJK Lembaga Pengawas Pusat Sumber. Diharap mereka yang mengambilalih jawatan kami dapat meneruskan perjuangan ke arah memodenkan pusat sumber sekolah. Sekian, terima kasih.

Setiausaha

UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING



Guru Penasihat:
Cik Sherah
Puan Ruzita

Pengerusi:
Yeo Yee Yong

Timbalan:
Razmy Shah b. Sulaiman

Setiausaha:
Faizal b. Shafiei

Bendahari:
Seripul Azali b. Shamsudin

Pegawai Disiplin:
Lau Ying Seng

Ketua Biro

Hal Ehwal P.R.S.:
Chai Jenn Heng

Publisiti:
Yusshaimi B. Yunus

Kempen dan Lawatan:
Low Wang Yang

Maklumat dan Resos:
Ranjit Singh

Tujuan penubuhan unit ini ialah untuk menggalakkan, perkembangan kemahiran serta ketrampilan diri dengan memberi khidmat nasihat kaunseling, memberi program pendedahan dari segi pendidikan, kepimpinan dan kerjaya serta memberi bimbingan bersifat pemulihan dan sebagainya.

Aktiviti tahunan:

Jan 97 – Orientasi kelas Peralihan dan Tingkatan 1.
– Perlantikan ahli tingkatan 3.
– Mengedarkan kad Raya dan Tahun Baru Cina kepada P.R.S. Zon Sentul.
Feb – Perlantikan ahli baru untuk tingkatan 4.
– Lantikan dalam kumpulan (LDK I)
Mac – Kursus untuk pengawas, pengerusi, timbalan pengerusi, dan setiausaha.
– Mewujudkan 'Sekolah Penyayang'
April – Mengemaskini resos
– Memilih corak yang sesuai untuk baju T UBS.
Mei – Menyampaikan cenderamata sempena 'Hari Guru'
Jun – Minggu Bimbingan dan kerjaya yang bertema 'Pelajar berakhlak mulia tunggak wawasan.'
– Ujian minat kerjaya
– Pertandingan Rekacipta
– Ceramah kerjaya.
– Kutipan derma untuk membantu anak-anak yatim.
Julai – Ahli P.R.S. menyediakan poster mengenai P.R.S.
– Mempamerkan kata-kata hikmat untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan P.M.R. dan S.P.M.
– Menyediakan keratan akhbar mengenai pendidikan, kerjaya, rakan muda dan sebagainya.
Ogos – Latihan dalam kumpulan (LDK 2)
– Mural dinding bilik U.B.S.
– Lawatan sambil belajar
– Majlis Perletakan Jawatan

Saya akhiri coretan ini dengan mengucapkan berbilion terima kasih kepada pihak sekolah yang membenarkan segala aktiviti yang telah dijalankan dengan lancar, guru-guru penasihat yang banyak membantu dari segi dorongan dan semangat, ahli jawatankuasa yang bersusah payah untuk merancang segala aktiviti-aktiviti untuk unit ini dan sesiapa yang turut membantu unit ini samada secara langsung atau tidak langsung.

Faizal bin Shafiei
Setiausaha

KOPERASI SEKOLAH



Pengerusi:
En. A. Atputharaju

Naib Pengerusi:
Pn. Teoh Kwan Swee

Setiausaha:
Pn. Arina Hussain

Bendahari:
Pn. Ong Tam Choon

Naib Bendahari:
Pn. Yee Kok Seng

Pengurus:
En. Choo Chee Seng

Naib Pengerusi:
Pn. Salina

AJK:
Teh Boon Liang (4B2)
Hoh Chun Mun (2M1)
Heng Yik Chee (4S2)
Yuu San Khai (4B1)
Chau Kok Fong (4S1)
Mohd Izuwan (5B1)
Mohd Fandi (3M1)
Lim Chee Meng (2M1)
Chiew Meng Huan (1S2)
Tan Joon Kuan (4S1)
Gopi (4S2)

Aktiviti:–

1. Menjual kad ucapan
2. Menjual kain samping sekolah
3. Menjual alat tulis
4. Menjual bahan bacaan seperti Utusan Pengguna dan Majalah PMR
5. Menjual tanda nama
6. Menjual alat-alat Sukan Rakan Muda.
7. Wakil insuran pelajar AIA.


Saya sebagai Setiausaha Koperasi sekolah ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli koperasi yang telah bekerjasama dan memberi sokongan dalam memajukan koperasi kita.

Harapan semoga koperasi kita akan terus maju dan berkembang dengan sokongan daripada ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Pn. Arina Hussain
Setiausaha

PERSATUAN SPBT



Guru Penasihat:
Pn. Serina
Pn. Noor Aniza Mohd Noor
Pn. Choo Lik Pin
Cik Faizah Md. Apandi

Pengerusi:
Saiful Noor

Naib Pengerusi:
Chia Tong King

Setiausaha:
T. Ahmad Sufi

Naib Setiausaha:
C. Ganesan

Bendahari:
Ahmad Hafiz

Naib Bendahari:
Goh Ka Eng

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada penerbit majalah sekolah kerana memberi peluang untuk mendedahkan aktiviti tahunan kami. Tujuan penubuhan SPBT ini, bertujuan menyelaraskan kemudahan-kemudahan skim pinjaman kepada pelajar sekolah MBSS. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:

1. Menjalankan pemeriksaan ke atas buku-buku teks yang dipinjamkan.
2. Melupuskan buku-buku teks yang tidak boleh dipakai lagi dan membaiki buku-buku teks yang rosak sedikit sahaja.

Saya mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat iaitu Pn. Serina yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada kami. Untuk menjaga buku-buku teks dalam keadaan yang baik. Akhir kata semoga persatuan SPBT ini berjalan dengan lancar pada masa hadapan dan

"JAGALAH BUKU-BUKU ANDA DENGAN BAIK"

Tengku Ahmad Sufi
Setiausaha

PERSATUAN BAHASA MELAYU



Guru Penasihat:
Pn. Noor Aniza Mohd Noor
Pn. Eshah Othman

Pengerusi:
Zaid Mujaiyid Putra
Ahmad Baidawi (5S2)

Naib Pengerusi:
Seripul Azali Shamsuddin
(5B1)

Setiausaha:
Mohd Izuwan Rosdi (5B1)

Naib Setiausaha:
Shahizal Masrol bin Mat
(5B1)

Bendahari:
Mohamed Faizal Kamal
Batcha (5S2)

Naib Bendahari:
Faizal Shafie (5B2)

AJK:
Nur Haslan Maarof (5B1)
Mohd Hasry Bin Bakar (5M1)
Kevitpal Singh (5S2)
Mohd Hafizuddin bin Sharif
(4B2)
Saiful Zaharie bin Zainuddin
(4M2)

Matlamat:

1. Memupuk budaya berbahasa Melayu di kalangan pelajar.
2. Meninggikan lagi mutu serta martabat penggunaan Bahasa Melayu di kalangan para pelajar.
3. Mencungkil bakat-bakat terpendam pelajar-pelajar dalam bidang kesusasteraan, bahasa dan kesenian Melayu.

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bahasa Melayu telah diadakan pada Februari 1997.

Aktiviti sepanjang tahun 1997.:

- Pertandingan melukis poster
- Persembahan Dikir Barat sempena Hari Guru.
- Menyiapkan Buku Skrap dari keratan akhbar.
- Pertandingan Mengarang dan Mendeklamasi hasil karya.
- Kuiz Bahasa Melayu
- Ceramah teknik menjawab soalan kertas Bahasa Melayu SPM
- Mengumpul dan mengedar soalan-soalan Percubaan SPM
- Mengumpul soalan-soalan SPM.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan, ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan segala aktiviti yang dirancangkan.

Sekian,

"TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA"

Mohd Izuwan Rosdi
Setiausaha

PERSATUAN BAHASA CINA



Guru Penasihat:
Pn. Khoo Liang Pin
En. Chan Chee Man

Pengerusi:
Tan Joon Kuan (4S1)

Naib Pengerusi:
Yuu Sar Khai (4B1)

Ketua Gerakerja:
Tan Wei Jim (4B2)

Naib Ketua Gerakerja:
Leong Hoong Yee (4S1)

Setiausaha:
Khoo Kim Chuan (4S1)

Naib Setiausaha:
Chiew Shih Yih (4S)

Bendahari:
Leong Wai Tuck (4B1)

AJK:
Chan Kok Foong
Gan Seng Kee
Wong Hock Teong
Lee Choon How
Tan Chee Weng
Yap Boon Choong
Heng Yik Chee
Teh Keen Yau
Lim Tji Meng


Ahli Jawatankuasa yang ke-14 terus mengamalkan prinsip-prinsip persatuan iaitu mengembangkan kebudayaan Tiong Hwa untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti persatuan. Berikut ialah senarai aktiviti yang dijalankan dan dirancangkan pada tahun ini:

1) Mengadakan Majlis Temu Mesra yang ke 13.
2) Menyertai Pertandingan Catur Cina yang dianjurkan oleh Sek. Men. Connaught.
3) Mengambil bahagian dalam bahasa tentang cara-cara untuk menjalankan urusan Persatuan Bahasa Cina yang ditajakan oleh Sin Chew Jit Poh.
4) Menjalankan 'Jumble Sale' dengan gabungan persatuan-persatuan lain.
5) Menganjurkan sukan persatuan antara ahli-ahli.
6) Mengadakan Pertandingan Catur Cina antara ahli-ahli.
7) Mengadakan Pertandingan Tulisan Kaligrafi antara ahli-ahli.
8) Mengadakan Pertandingan Tulisan Kaligrafi antara sekolah-sekolah.
9) Mengeluarkan buku majalah dengan gabungan sekolah-sekolah lain.
10) Mengubahsuai logo baju persatuan.
11) Mengadakan Pertandingan Kuiz Pengetahuan antara ahli-ahli.
12) Menambahkan bilangan pengeluaran baju persatuan.
13) Bergotong-royong untuk membersihkan bilik baca persatuan.

Kami mewakili Persatuan Bahasa Cina ingin merakamkan setinggi-tingginya terima kasih kepada guru penasihat kami, Pn.Khoo dan En. Chan, ahli-ahli jawatankuasa serta ahli-ahli persatuan kerana telah bekerjasama untuk mendorong persatuan ini menujui ke era yang berjaya. Akhirnya semoga semangat sanggup berkorban masa dan tenaga demi persatuan ini dapat diteruskan untuk memajukan dan mengharumkan nama persatuan dan nama sekolah kami.

Khoo Kim Chuan & Chiew Shih Yih
Setiausaha

PERSATUAN BAHASA TAMIL



Guru Penasihat:
En. Veelurajan

Pengerusi:
S. Logeshwaran

Naib Pengerusi:
T. Chandran

Setiausaha:
K. Vikneswaran

Bendahari:
K. Naresh Kumar

AJK:
B. Rakesh Kumar
G. Deva Kumar
Karnan
Jayaprakash

Persatuan Bahasa Tamil ditubuhkan di sekolah ini bertujuan untuk mewujudkan nilai persefahaman di kalangan pelajar-pelajar India. Motif utama persatuan kami ialah untuk memupuk serta meningkatkan kemahiran ahli-ahli kami untuk mempelajari sastera dan kebudayaan India.

Seperti tahun-tahun lepas, persatuan kami telah melakukan beberapa aktiviti untuk memenuhi matlamat dan kehendak persatuan kami. Kesemua aktiviti pada tahun ini telah dirancang dan dijalankan dengan licin.

Aktiviti-aktiviti kami pada tahun ini ialah:–

(i) Pemilihan dan Perlantikan AJK baru.
(ii) Menganjurkan Pertandingan Nyanyian antara sekolah-sekolah.
(iii) Mengadakan ceramah berkenaan dengan keagamaan dan kebudayaan.
(iv) Perjumpaan diadakan dua kali sebulan untuk berbincang mengenai pelajaran dan kebudayaan ahli-ahli kami.

Selain dari itu, persatuan kami juga turut serta mengambil bahagian dalam pertandingan kuiz, sastera serta nyanyian yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil sekolah lain dan telah menjadi Johan dalam Pertandingan Nyanyian yang diadakan di peringkat Kuala Lumpur.

Dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Veelurajan atas sokongan dan bimbingan beliau dalam perkembangan persatuan ini Saya berharap persatuan ini terus berkembang maju pada masa akan datang.
Sekian.

"ORA ET LABORA"
"SHARANAM"

S. Logeshwaran
Pengerusi

PERSATUAN BADAN ISLAM (PERBADIS)



Guru Penasihat:
Pn. Mardziah
En. Arif
Pn. Salwani

Pengerusi:
Seripul Azali (5B1)

Naib Pengerusi:
Syarul Rizal (4S2)

Setiausaha:
Yusshaimi Mohd Yunus (5M1)

Naib Setiausaha:
Alvit (4S2)

Bendahari:
Affidin (5B1)

Naib Bendahari:
Abu Hassan (4S2)

AJK Tingkatan 5:
Razmi Shah (5B2)
Razali (5B1)
Mohd Fauzy (5M1)
Zaid Mujaiyid Putra (5S2)

AJK Tingkatan 4::
Mohd Izad (4S2)
Khalid (4M2)
Mohd Nizam (4M3)

AJK Tingkatan 3:
Khalid (3M1)
Ridhwan (3M1)
Fairuz (3M1)

Assalamualaikum w.w.b, terlebih dahulu kami ucapkan kepada semua pembaca yang budiman. Terima kasih, kata-kata penghargaan dan kami buat penerbit majalah sekolah tahun ini kerana telah memberi peluang kepada kami untuk mendedahkan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 1997.

Sebagai pembuka kata, kami ingin memberi sedikit panduan di mana matlamat persatuan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk menyatukan pelajar Islam bagi membina sebuah ukhuwah yang kuat di samping dapat melahirkan pelajar yang beradap, berilmu, berkualiti, bertanggungjawab dan berinovasi yang berteraskan keIslaman.

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah kerana segala perancangan dan aktiviti persatuan kami telah berjaya dijalankan dengan sempurna. Antara aktiviti kami adalah:

1. Pengambilan AJK untuk Majlis berbuka puasa.
2. Majlis berbuka puasa dan sembahyang tarawih.
3. Perlantikan AJK sepanjang tahun 1997.
4. Sambutan Hari Raya Aidilfitri.
5. Sambutan Israk Mikraj.
6. Menyertai pertandingan kuiz, azan dan tadarus Al-Quran.
7. Sambutan Hari Raya Aidiladha.
8. Menyertai pertandingan nasyid antara sekolah-sekolah.
9. Menghiasi dan membaik pulih surau sekolah.
10. Menyertai perarakan di dataran pada hari sambutan Maulidur Rasul.
11. Sambutan Maulidur Rasul di sekolah.
12. Menganjurkan Pertandingan Nasyid, sajak dan bercerita.
13. Solat hajat untuk SPM dan PMR.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang terlibat dan pihak yang membantu kami di dalam aktiviti persatuan yang dijalankan. Kami sentiasa mendoakan ke atas persatuan kami moga-moga mendapat kejayaan yang lebih pada masa akan datang dan sentiasa diberkati Allah s.w.t. Insyaallah. Sekian. Wassalam.

Yusshaimi Mohd Yunus
Setiausaha

PERSATUAN SENI MUZIK, TEATER & KEBUDAYAAN



Guru Penasihat:
Pn. Serina
En. Fadly
En Salleh

Pengerusi:
Yusshaimi Mohd Yunus (5M1)

Naib Pengerusi:
Mohd Fauzy Hasyim (5M1)

Setiausaha:
Seripul Azali (5B1)

Naib Setiausaha:
Syarul Rizal (4S2)

Bendahari:
Alexander (5M2)
Ismarudy (4M2)

AJK Disiplin:
Irairwarrdy (4S1)
AJK Laporan:
Alvit (4S2)
AJK Lawatan:
Saiful Noor (5B1)
AJK Keceriaan:
Nithia (3M2)
AJK Seni Muzik:
Azrul Hisyam (4M1)
AJK Seni Teater:
Saiful Zahairie (4M2)
AJK Seni Tari:
Mohd Fairuz (3M1)

Salam mesra dan selamat sejahtera dari Persatuan Seni Muzik, Teater & Kebudayaan. Sebagai pencetus dan penyambung warisan bangsa, kami berperanan menyampaikan mesej dan panduan kepada pelajar di samping menghidupkan semula ciri-ciri budaya tradisional bangsa untuk generasi yang akan datang.

Untuk panduan bersama, persatuan kami pada tahun ini lebih menampakkan kejayaan dan telah memecahkan ruyung di mana persatuan ini telah bergiat aktif dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antaranya ialah:

1) Pengambilan ahli-ahli baru dan AJK baru.
2) Melengkapkan papan kenyataan persatuan.
3) Mengadakan majlis hari raya.
4) Memperkenalkan dan merasmikan nama baru persatuan.
5) Menyertai pertandingan nyanyian lagu asli, pertandingan dikir barat, teater dan tarian tradisional.
6) Mengadakan serta merasmikan majlis kebudayaan (gathering persatuan)
7) Mengadakan persembahan nyanyian pada hari guru.
8) Meraikan hari anugerah sekolah dengan membuat persembahan teater.
9) Mengadakan persembahan tarian dalam malam kebudayaan Pengakap Batu 12.
10) Mengikuti kursus seni kebudayaan yang dianjurkan oleh kementerian kebudayaan, kesenian dan pelancongan.
11) Perjumpaan persatuan-persatuan kebudayaan zon Sentul.
12) Membaik pulih taman seni budaya kami.
13) Mengadakan persembahan koir pada hari kemerdekaan di sekolah.
14) Mengadakan majlis perpisahan pada hujung tahun.
15) Mengadakan aktiviti perkhemahan pada cuti sekolah akhir tahun.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Serina, En. Fadly dan En. Salleh selaku guru penasihat, kepada semua ahli yang memberi kerjasama dan kepada pihak yang terlibat terutama sekali kepada Pn. Rohani dan Pn. Rahmah yang sentiasa membimbing kami dari belakang. Sekian.

"BUDAYA PENCETUS GENERASI MUDA"

Seripul Azali
Setiausaha

PERSATUAN PERDAGANGAN



Guru Penasihat:
Pn. Arina Hussein
Pn. Jamaliah

Pengerusi:
Jefrey Azahary (5B2)

Naib Pengerusi:
Hasyim

Setiausaha:
Mohd Bakhtiar Rosli (5M1)

Naib Setiausaha:
Alvit

Bendahari:
Tan Yok Seng (5B1)

Wakil Kelas:
Mohd Nazrul (5M1)
Mazlan Abdullah (5M2)
Muhamad Khalid (4M1)
Ahmad Jamaluddin (5B2)

Aktiviti tahunan

Antara aktiviti yang telah dijalankan dalam persatuan ini pada tahun 1997 ialah:–

i) Perlantikan AJK baru dan pengambilan ahli-ahli baru.
ii) Menganalisa soalan-soalan SPM dari 1994–1996.
iii) Mengadakan mesyuarat tahunan dan perjumpaan antara ahli.

Saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan terima kasih kepada Pn. Arina Hussein dan Pn. Jamaliah selaku guru penasihat persatuan kami kerana telah memberi tunjuk ajar untuk menjayakan persatuan ini. Akhir kata saya berharap persatuan ini akan terus aktif di masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

Mohd Bakhtiar bin Rosli
Setiausaha

PERSATUAN AGAMA BUDDHA



Guru Penasihat:
Puan Yee Kok Siong
Encik Choo Chee Seng

Pengerusi:
Au Yong Boon (5S1)

Naib Pengerusi:
Low Yong Lim (4S1)

Setiausaha:
Chai Jenn Fatt (5S2)

Naib Setiausaha:
Chia Yik Then (4S1)

Bendahari:
Low Kah Fook (5B1)

Naib Bendahari:
Khoo Kim Chuan (4S1)

AJK:
Chai Jenn Heng (5S1)
Ong Chiew Wai (5S1)

Matlamat utama bagi penubuhan persatuan ini adalah bertujuan memperkembangkan ajaran Buddha serta membentuk sebuah masyarakat yang berakhlak mulia. Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Agama Buddha telah jatuh pada 28 Februari 1997 yang berfungsi melantik ahli jawatankuasa baru.

Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang tahun ini. Antaranya adalah seperti yang berikut:–

1) Ceramah tentang ajaran Buddha
2) Lawatan ke kuil
3) Sesi Meditasi
4) Tayangan video
5) Sesi 'Chanting'
6) Lawatan ke Melaka
7) Pertandingan kuiz
8) Jamuan perpisahan

Akhir kata, saya ingin mewakili persatuan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami iaitu Puan Yee Kok Siong dan Encik Choo Chee Seng atas segala nasihat dan tunjuk ajar selama ini kerjasama dan sokongan daripada semua pihak amat dialu-alukan bagi menjayakan persatuan ini.

Sekian, terima kasih.

Chia Yik Then
Setiausaha

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



Guru Penasihat:
En. Fadzil Jaafar
En. Salleh
Pn. Kamatchi

Pengerusi:
Faizal Shafie

Naib Pengerusi:
Seripul Azali Shamsuddin

Setiausaha:
Mohd. Fauzy Hashim

Pen. Setiausaha:
Mohd Adily Anuar

Bendahari:
Kamal Nor Muhammad

Pen. Bendahari:
Mohd Hazli Hamzah

AJK:
Abdul Jaafar
Kamarul Anuar
Firdzrus
Mohd Azreel
Mohd Lokman

Persatuan ini dianggotai oleh 52 orang pelajar sessi petang dan pagi dan diketuai oleh beberapa orang guru penasihat. Sepanjang tahun ini kami telah mengadakan beberapa aktiviti seperti:

1. Pendaftaran pelajar baru dan lama dengan PBSM Wilayah Persekutuan.
2. Perlantikan AJK baru dalam mesyuarat agung yang diadakan pada awal tahun ini.
3. Bertugas dalam acara-acara rasmi seperti Sukan Tahunan di Stadium Merdeka; menjadi sukarelawan semasa sukan tahunan di Sek. Keb. Sentul dan Sek. Keb. Hishamudin; serta Sek. Men. Convent.
   Mengadakan ujian kenaikkan pangkat di Tasik Titiwangsa.
4. Mengajar ahli baru tentang rawatan kecemasan dan latihan kawad kaki.
5. Menghadiri majlis kebudayaan pengakap sekolah.
6. Melantik AJK baru bagi menggantikan AJK lama.
7. Mengadakan perkhemahan.

Sekian, terima kasih.

Seripul Azali Shamsuddin
Naib Pengerusi

KADET REMAJA SEKOLAH (KRS)



Guru Penasihat:
Left. Muda Cik Noraizah
En. Mohd. Fadli
En. Zabidi
Cik Ruhaya

Pengerusi:
Sarjan Mohd. Izuwan

Naib Pengerusi:
Kpl. Azizul Anuar

Setiausaha:
Kpl. Mohd. Zuwairi

Naib Setiausaha:
Kpl. Mohd. Fandi

Bendahari:
Shaiful Noor

Naib Bendahari:
Mohd. Hasry

AJK:
Fairoz
Mohd. Roslan
Mohd. Roshidi
Devindran
Musaab

Tujuan penubuhan Pasukan Kadet Remaja Sekolah adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan berdikari dalam kehidupan harian, di samping memupuk bakat dan menggalakkan potensi yang sedia ada dan mampu memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.

Bilangan ahli Pasukan KRS sekolah pada tahun ini adalah seramai 60 orang.

Aktiviti:–
- Pendaftaran ahli lama dan ahli baru.
- Perlantikan ahli jawatankuasa baru.
- Mengadakan pameran KRS.
- Bertugas semasa Hari Jogathon di Sekolah Kebangsaan Sultan Hishamuddin.
- Kursus kejurulatihan kawad kaki bagi Ketua Platun.
- Menyertai Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Wilayah Persekutuan.
- Menjalankan aktiviti abseiling dan flying fox di Balai Bomba Jalan Kuching.
- Menyertai Jambori di Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Perkhemahan di Sungai Pisang.
- Ujian kenaikan pangkat di Sungai Congkak, Hulu Langat, Selangor.


Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami iaitu Cik Noraizah, En. Mohd Fadli, En. Zabidi dan Cik Ruhaya di atas sokongan dan tunjuk ajar yang diberi untuk memajukan Pasukan KRS sekolah ini.

"ILMU, IMAN, AMAL"

Sekian, terima kasih.

Muhammad Zuwairi
Setiausaha

PERSATUAN SENI SILAT GAYONG MALAYSIA



Jurulatih:
En. Tahir b. Saidan
Khalifah Muda Majlis Beradat Negeri Selangor

Guru Penasihat:
Pn. Noraidah bt Sulaiman

Pengerusi:
Shahrul Rizal b Yusuf

Naib Pengerusi:
Norsaiful Azahairie b Zainudin

Setiausaha:
Mohd Isa b Mohd Apni

Pen. Setiausaha:
Mohd Hadi b Chee Mee

Bendahari:
Herman b Hussain

AJK:
Mohd Lokman b Abdul Wahab
Mohd Izat b Ismaan
Hazrul Hisham b Harun

Syukur ke hadrat Illahi kerana Pertubuhan Silat Seni Gayong (Malaysia) gelanggang MBS Sentul dapat menjalankan aktiviti seperti biasa, malah pertubuhan ini bergiat lebih aktif dari tahun-tahun sebelumnya.

Objektif pertubuhan ini ialah untuk mencungkil bakat para pelajar MBS dalam seni persilatan, supaya budaya silat Melayu tidak pupus ditekan arus zaman. Di samping itu ia dapat menguji ketahanan seseorang pelajar dari segi mental, emosi dan rohani juga memohon sifat kepahlawanan, dan pertahanan diri. Cara ini dapat memupuk para pelajar untuk berdikari, mendisiplinkan diri dan semangat kerjasama.

Bulan		Aktiviti yang dijalankan
3/97	–	Pengambilan ahli baru dan penyusunan pentadbiran.
4/97	–	Mesyuarat Agong Tahunan
5/97	–	Pemilihan skuad olahraga dan Silat Seni. Latihan
6/97	–	Demonstrasi untuk Kelab Kebudayaan.
7/97	–	Demonstrasi untuk Lembaga Pengawas Pusat Sumber.
	–	Penghantaran ahli untuk ujian kelayakan bengkung (tali pinggang)
8/97	–	Latihan untuk pertandingan bermula.
9/97	–	Pertandingan olahraga dan silat seni antara gelanggang-gelanggang Gayung dianjurkan oleh PSSGM.
10/97	–	Pertandingan silat seni peringkat sekolah.

Dengan sukacitanya dua orang pesilat MBS telah dihantar untuk mewakili Malaysia dalam Pertandingan Pencak Silat Sedunia yang diadakan baru-baru ini dan dua orang lagi dihantar untuk menyertai kem latihan untuk mewakili Malaysia dalam Sukan Sea di Jakarta serta seorang lagi pesilat MBS dihantar untuk mewakili Kuala Lumpur dalam pertandingan Sukan Sukma tahun ini.

Pihak pertubuhan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah, guru penasihat, ibu bapa, serta jurulatih kerana telah memberi sokongan kepada persatuan ini. Dengan harapan Pertubuhan Silat Seni Gayung (Malaysia) gelanggang MBS Sentul akan lebih maju pada masa akan datang.

"GENGGAM, ANGKAT, YAKIN, WARAS, NGERI – GAYONG"

Mohd Isa bin Mohd Apni
Setiausaha

KELAB TAEKWONDO



Guru Penasihat:
En. Su Foo Fong

Ketua Jurulatih:
Master Ben Wong Siew Pang (6th Dan)

Pengerusi:
Thum Wai Hoong (5S1)

Naib Pengerusi:
Low Wang Yang (5B2)

Setiausaha:
Au Yong Boon (5S1)

Naib Setiausaha:
Gan Seng Kee (4S1)

Bendahari:
Tan Teck Boon (5S2)

Naib Bendahari:
Roy Chandran (5M2)

Penyelaras Aktiviti:
Ee Chong Kiong (5S1)

Wakil Tingkatan 4:
Gan Seng Kee (4S1)

Wakil Tingkatan 3:
Kuganeswaran (3M3)

Wakil Tingkatan 2:
Thagalan (2M3)

Objektif penubuhan Kelab Taekwondo adalah untuk memperkenalkan seni mempertahankan diri yang unik ini iaitu Taekwondo di kalangan remaja di samping memupuk sikap toleransi dan disiplin di kalangan mereka.

Taekwondo sebenarnya merupakan suatu seni melemahkan atau mematikan pihak pencabar dengan menggunakan kemahiran pergerakan tangan atau kaki. Ini dapat ditafsirkan daripada perkataan 'Taekwondo'. 'Tae' membawa maksud menghentam atau memusnahkan sesuatu dengan kaki, 'Kwon' bererti memukul dengan tangan atau penumbuk dan 'Do' pula ialah sistem atau kaedah.


Setakat ini, kelab Taekwondo dianggotai oleh lebih kurang 30 orang ahli sama ada dari sesi pagi atau sesi petang. Pelbagai aktiviti telah kita rancangkan dan laksanakan untuk penyertaan ahli-ahli sepanjang sesi 1996/97. Berikut ialah aktiviti-aktiviti yang kita jalankan:–

Ogos 96 – Pemilihan Ahli Jawatankuasa bagi sesi 96/97
Jan 97 – Mesyuarat Agung Tahunan
March 97 – Ujian Penggredan
Mei 97 – Menyertai pertandingan persahabatan dengan S.M. Sri Sinar.
– Demonstrasi pada hari Sukan Tahunan Sekolah.
Jun 97 – Ujian Penggredan
– Menyertai pertandingan Taekwondo terbuka di Universiti Malaya.
Ogos 97 – Pemilihan Ahli Jawatankuasa bagi sesi 1997/98.
Sept 97 – Ujian Penggredan.

Dengan tunjuk ajar Master Ben Wong, bekas jurulatih kebangsaan, kelab ini telah berjaya memupuk sikap berdisiplin di kalangan ahli-ahli. Maka, saya selaku setiausaha kelab ini mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Master Ben Wong. Tidak terlupa juga saya merakamkan penghargaan terhadap En. Su Foo Fong iaitu guru penasihat kelab atas segala nasihat bernas yang diberikan kepada kita. Sekian, terima kasih.

Au Yong Boon
Setiausaha

KELAB KARATE-DO



Guru Penasihat:
En. Veelurajan
En. Lim Tong Eng

Jurulatih Kelab:
En. Subramaniam
En. Paramasivam
En. Jaganraj

Pengerusi:
S. Kumaran

Naib Pengerusi:
D. Devasagayam

Setiausaha:
S. Logeshwaran

Naib Setiausaha:
S. Yewarajah

Bendahari:
Mohd Rafiq Azlan

Naib Bendahari:
Suresh Kumar

Ketua Disiplin:
B. Sadesh

Pen. Ketua Disiplin:
S. Mohan Prakash

AJK:
Rajkumar, Arumugam,
Mageswaran

Kelab Karate-do ditubuhkan di sekolah ini adalah bertujuan untuk menanami sifat kesukanan, kesabaran, berdisiplin dan kesenian. Pada tahun ini, kelab kami mendapat sambutan serta mencapai kejayaan yang membanggakan di peringkat negeri. Pada tahun ini kelab kami berjaya mencungkil bakat-bakat baru di samping menjalankan beberapa aktiviti. Di antaranya ialah:–

i) Memilih dan melantik AJK baru.
ii) Mengadakan "Centras Training" untuk ahli-ahli senior.
iii) Menyertai Kejohanan Karate-do Shorin-Ryu di Seremban.
iv) Melangsungkan kejohanan Karate-do tahunan.
v) Mengadakan sessi kem latihan di Port Dickson.

Di dalam kejohanan Karate-do pada tahun ini, kelab kami berjaya meraih dua butir pingat perak dalam acara kumite dan pingat emas dalam acara berpasukan. Di antara pemenang-pemenang yang berjaya ialah:–

i) S. Kumaran : Pingat perak dalam acara kumite bawah 18 tahun
ii) S. Logeshwaran : Pingat perak dalam acara kumite terbuka.

Manakala acara berpasukan diwakili oleh:

i) Sadesh ii) Suresh Kumar iii) S.Yewarajah
iv) Mohd Rafiq Azlan v) Devasagayam

Kesemua pemenang diatas akan menghadiri sesi latihan di Bukit Kiara untuk mewakili Kuala Lumpur.

Akhir kata, saya sebagai Setiausaha Kelab ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Veelurajan dan En. Subramaniam di atas segala tunjuk ajar, bimbingan serta sokongan moral terhadap kelab ini yang berpegang teguh kepada prinsip "toleransi". Sebagai penutup kata

"MAJULAH KARATE UNTUK NEGARA"
"ORA ET LABORA"

S. Logeshwaran
Setiausaha

INTERACT CLUB



President:
Ding Lih Son

Vice President:
V. Mathewsella

Secretary:
Kevitpal Singh

Correspondence Secretary:
M. Muralli

I.U. Director:
Lim Kok Khuan

Comm. Service Director:
Matthew Matthan

Funding Director:
Tay Tiong Kiat

Club Director:
Ranjit Singh

Art Director:
Soh Ki Boon

Bulletin Director:
Hari Haren

The Interact Club is an international organization of Rotary – sponsored service for youth. Membership is open to students of the secondary school level (16–18 years of age) who passes some special traits. The club also gives chance to the young generation to communicate, work together and potray their natural skills in a world of friendship based on international understanding.

With the Rotarians, teacher advisors and the Board-of-Directors, the club worked together to accomplish these goals and projects:–

1) Prepared PMR exam paper for the Form 3 members
2) Built ramp for a disabled boy in school
3) Collecting old newspaper from members
4) Car wash project
5) Attended the Interact leadership training seminar in A.R.GS.
6) Took part in the Jumble Sale.
7) Attended the 'Interact District 3300 Conference' in U.M.
8) Hosted the "Interact Coordinating Conference" in October between A.R.G.S., S.M.C.S., S.M.P.J.I. and S.M.S.B.
9) Painted words of wisdom in January
10) Annual general meeting and the intake of new members.
11) Motivational talk by Rotarians.
12) Attended the Installation of the Rotary Club of Gombak at the Flamengo Hotel.
13) Trip to V.R. Expo
14) Motivated and cleaned the Interact Pond.
15) Sold Interact T-shirts and collar badges
16) Chose the new Board-of-Directors
17) Medical camp cum Food Fair (Annual Comm. Serv. Project)
18) International Understanding Day cum Installation Day.
19) Attended an Information Technology Seminar in Convent Sentul
20) Competed the Best – I.U. Day, Best – Comm. Service Project and the Best–Monthly Project.

Lastly, I would like to thank all the Rotarians, teacher advisor, Board-of-Directors and members who gave us guidance, advice and support throughout the year. We hope the club will be more active and will have more members in the future.

"SERVICE ABOVE SELF"
"BUILD THE FUTURE WITH ACTION AND VISION"

Kevitpal Singh
Secretary

KELAB CATUR



Guru Penasihat:
En. Lim Tong Eng

Pengerusi:
Tan Min Wee

Naib Pengerusi:
Chung Chee Chuan

Setiausaha:
Lee Chee Wai

Naib Setiausaha:
Gan Fuk Tung

Bendahari:
Wong Kim Hoe

Naib Bendahari:
Lim Beng Khoo

AJK
Wakil Tingkatan 5:
Toh Chin Poh

Wakil Tingkatan 4:
Fong Kok Liang

Wakil Tingkatan 3:
Yen Chia Huei

Wakil Tingkatan 2:
E. Viknes

Wakil Tingkatan 1:
Mohd Azriff

Sepanjang tahun 1997, Kelab Catur telah menjadi lebih aktif berbanding dengan beberapa tahun lalu. Dengan meningkatnya penyertaan ahli pada tahun ini, aktiviti mingguan Kelab Catur dapat dijalankan dengan lebih kerap dan lancar. Aktiviti mingguan yang pernah dijalankan ialah mengadakan mesyuarat agong, perjumpaan antara AJK dengan ahli, pertandingan catur antara ahli dan pengajaran dalam strategi menundukkan pihak lawan.


Pemilihan untuk pemain pasukan untuk Pertandingan Catur Zon Sentul dijalankan pada bulan Mei dan pemain tersebut yang dipilih oleh AJK Kelab Catur menjalankan latihan tubi sepanjang musim cuti penggal pertama. Walaubagaimanapun, penyediaan yang dilakukan adalah tidak mencukupi untuk bertanding dalam Pertandingan Catur Zon Sentul yang berlangsung dari 12 Jun 1997 hingga ke 20 Jun 1997. Pemain bawah 18 tahun kami mendapat saingan yang kuat daripada tiga buah sekolah iaitu SM Kepong Baru, SM Agama KL dan SM Maxwell kerana markah masing-masing pada pusingan kelima adalah hampir sama. Akhirnya, SM Kepong Baru menjadi johan untuk pertandingan tersebut dan meninggalkan kami pada tempat kelima. Walaupun begitu Tan Min Wee, selaku dengan Pengerusi Kelab Catur berjaya mendapat tempat kelima dalam acara perseorangan bawah 18 tahun.

Selepas pertandingan ini, para AJK sibuk dengan pelajaran masing-masing dan tetap berasal kesal atas keputusan pertandingan itu. Namun, segala aktiviti tetap berjalan seperti dahulu. Diharap pada masa yang akan datang, SM Methodist Sentul dapat melahirkan pencatur-pencatur yang lebih berpotensi dan dapat mengharumkan nama sekolah dan peringkat negara. Agar permainan catur menjadi warisan turun-temurun sehingga ke generasi masa depan.

Sekian, terima kasih

Lee Chee Wai
Setiausaha

KELAB SENI LUKIS



Pengerusi:
Yusshaimi (5M1)

Naib Pengerusi:
Ira Irawady (4S1)

Setiausaha:
Mohd Ridhuan (3M1)

Naib Setiausaha:
Gan Fuk Fung (4S1)

Bendahari:
Chai Jenn Fatt (5S2)

Naib Bendahari:
Kuek Choon Leng (3M1)

AJK:
Fauzy (5M1)
Shaiful Noor (5B1)
Chong Keat Wah (4S1)
Mohd Fairus (3M1)
Afzainizam (3M2)

Sepanjang tahun 1997, kelab ini dengan jayanya telah melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan dan menampakkan suatu kejayaan dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan ahli dalam menjalankan kerja.

Kelab ini berlogokan 'Bunga Matahari' yang bermaksud segar dan ceria sentiasa menerangi kehidupan.

Matlamat utama pertubuhan ini adalah memperkembangkan pengetahuan dan meningkatkan kreativiti serta daya cipta pelajar. Di samping itu juga, ia meningkatkan amalan bertanggungjawab, bekerjasama, disiplin kerja dan sikap yakin diri. Berikut ialah beberapa aktiviti yang dijalankan:–


Januari	–	Melantik AJK baru.
Februari	–	Perjumpaan ringkas dan berbincang mengenai projek Taman Seni.
	–	Membersih dan menanam pokok di tapak seni.
Mac	–	Membersih bilik seni dan mengecat
	–	Membaja tanaman di taman seni.
April	–	Membersih dan melakar dinding untuk mural
Mei	–	Membuat persediaan untuk minggu seni.
Jun	–	Mural dilakar dan dicat.
	–	Minggu seni bermula.
Julai	–	Memangkas, membaja dan merumpai dijalankan.
Ogos	–	Lawatan
Sept.	–	Kelas tambahan untuk tingkatan lima.

Akhir kata, sambutlah salam mesra dari kami dan guru penasihat Kelab Seni Lukis. Segala pertolongan dan tunjuk ajar daripada pihak terlibat kami hargai. Sekian. Terima kasih.

"INSPIRASI KAMI ADALAH ANDA"

Mohd. Ridhuan
Setiausaha

KELAB REKACIPTA



Guru Penasihat:
Cik Hasrina
En. Abdul Rahman

Pengerusi:
Muhammad Khalid

Naib Pengerusi:
Alvit

Setiausaha:
Armie Yufizal

Pen. Setiausaha:
Zuraidy

Bendahari:
Norazmi

Pen. Bendahari:
Mohd. Hermain

AJK:
Mohd. Razali
Khairul Helmi
Zaid
Kuganeswaran

Tujuan penubuhan Kelab Rekacipta adalah untuk menggalakkan pelajar-pelajar berfikiran kreatif dan inovatif. Kelab Rekacipta ini yang menginginkan pelajar mengguna daya pemikiran supaya mereka boleh menunjukkan bakat mereka untuk mencipta sesuatu barang atau bahan yang canggih untuk mencapai wawasan 2020.

Dalam tahun ini, kelab kami dianggotai seramai 21 orang iaitu dari tingkatan 5, 4 dan 3.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dan akan dilaksankan pada tahun 1997:–

1) Mengambil ahli-ahli baru
2) Mencipta logo Kelab Rekacipta yang baru
3) Menjalankan pertandingan kuiz
4) Pertandingan mencipta barang dari bahan buangan
5) Mengadakan mesyuarat
6) Lawatan sambil belajar ke KLCC

Akhir kata, saya bagi pihak Kelab Rekacipta ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat kami iaitu Cik Hasrina dan En. Abdul Rahman atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan olehnya. Semoga Kelab Rekacipta dapat dikekalkan sampai bila-bila sehingga dapat melahirkan pencipta-pencipta yang berkualiti dan setaraf dengan Albert Einstein demi menuju wawasan 2020.

"MENCAPAI TEKNOLOGI CANGGIH"

Armie Yufizal
Setiausaha

RUMAH MERAH



Guru Penasihat:
Pn. Hjh. Nor Azlina (Ketua)
En. Fadzil Mohd Jaafar
Cik Mary Raj
En. Lim Tong Eng
Cik Noraizah

Ketua Rumah:
Nur Amin (5B1)

Pen. Ketua Rumah:
Zainal Azahairi (5M1)

Setiausaha:
Tay Tiong Kiat (5S1)

Pen. Setiausaha:
Haresh Sing (3M1)

Bendahari:
Au Yong Boon (5S1)

Pen. Bendahari:
Lee Chia Chee (5S1)

AJK:
Husaini Amir (5B1)
Hasyim Abdullah (4M2)
Iswaran (3M1)

Dalam Temasya Sukan Tahunan, Rumah Merah telah berusaha bersungguh-sungguh namun begitu nasib tidak menyebelahi kami tahun ini. Akan tetapi, keputusan yang dicapai oleh Rumah Merah adalah sangat memuaskan berbanding tahun lalu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang sudi menghabiskan masa untuk memberi tunjuk ajar dan nasihat serta sokongan moral kepada ahli-ahli Rumah Merah.

Akhir kata, saya selaku Setiausaha kepada Rumah Merah 1996/97 berdoa agar Rumah Merah akan mencapai keputusan yang lebih cemerlang pada Sukan tahunan yang akan datang.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA DAN SEKOLAH"

Tay Tiong Kiat
Setiausaha

RUMAH UNGU



Guru Penasihat:
Pn. Noor Aniza
Pn. Ng
En. Choo
En. Rahmat
Pn. Nurul
Pn. Suzaini

Ketua Rumah:
Tejvinder (5B1)

Pen. Ketua Rumah:
Chong Keat Wah (4S1)

Setiausaha:
Zaid Mujaiyid Putra (5S2)

Bendahari:
Chiew Chi Yuen (5S1)

Pen. Bendahari:
Leong Hoong Yee (4S1)

AJK Ting. 5:
Syafry Noor (5B1)
Sukvinder (5M3)
Mazlan (5M2)
Yeo Yee Yong (5S1)

AJK Ting. 4:
Krishnasamy (4M1)
Izat (4S2)
Tan Wei Jim

AJK Ting. 3:
Riduan (3M1)
Khor Eng Siang (3M2)
Beh Jun Hah (3M1)

Pencapaian Rumah Ungu pada tahun ini cukup memuaskan berbanding tahun-tahun lepas. Kami berjaya meraih tempat ketiga dalam Temasya Sukan Tahunan hasil usaha gigih ahli-ahli rumah sukan dalam setiap aktiviti sukan yang dianjurkan.

Segala rintangan yang dihadapi dapat kami atasi dengan jayanya dan rintangan tersebut dijadikan pendorong kejayaan di hari mendatang.

Diharapkan ahli-ahli Rumah Ungu dapat meningkatkan pencapaian yang lebih baik lagi pada tahun-tahun berikutnya. Semoga Rumah Ungu bergelar Johan pada tahun hadapan.

Akhir kata, diucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama dan semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh ahli Rumah Ungu untuk menaikkan martabat Rumah Ungu. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih diucapkan kepada guru-guru penasihat yang banyak membimbing kami agar mencapai kecemerlangan dalam sukan.

"MAJULAH SUKAN UNTUK SEKOLAH"

Zaid Mujaiyid Putra
Setiausaha

PASUKAN BOLASEPAK BAWAH 18 & 15 TAHUN



Nama Pemain
Bawah 18 Tahun
Mohd Razali Kamarudin (C)
Saiful Adli Saharudin
Hazami Hashim
Mohd Husin Abd. Rahman
Husaini Amiar Zulkifli
Haslan Maarof
Asrul Abd. Majid
Zul Fahmi Ismail
Roslan Ramli
Abu Bakar Habib
Karnan
Azmi Aziz
Tengku Ahmad Sufi Ibrahim
Mohd Nizan Abu Bakar
Azwin Abu Wahid
Sazali Zain
Thamarajah
Jayaraj
Magendren
Nur' Amin

Pada tahun ini sekali lagi pasukan bolasepak sekolah telah menunjukkan prestasi yang cemerlang kerana berjaya mewakili zon Sentul pada pertandingan bolasepak antara zon MSSKL 1997. Berikut adalah keputusan perlawanan:

A. **Bawah 18 tahun**

1.	MBS menang SM Chong Hwa	(5–1)	
2.	MBS menang SM Agama	(5–2)	
3.	MBS menang SM Taman Bukit Maluri	(3–1)	suku akhir
4.	MBS menang SM Bandar Baru Sentul	(3–1)	separuh akhir
5.	MBS kalah SM Raja ali	(3–2)	Akhir
6.	MBS kalah SM Victoria	(3–0)	
7.	MBS kalah SM Sukan Bukit Jalil	(5–1)	

B. **Bawah 15 tahun**

1.	MBS menang SM Taman Bukit Maluri	(5–1)	
2.	MBS kalah SM Raja Ali	(4–2)	
3.	MBS kalah SM Bandar Baru Sentul	(3–1)	sukan akhir

Kami dari skuad bolasepak ingin merakamkan terima kasih kami kepada Tuan Pengetua, Pn. Teoh, En. Arif, En. Shahriel, En. Rahmat dan guru-guru yang memberikan dorongan dan tunjuk ajar kepada pasukan ini.
Terima kasih.

"MAJULAH SUKAN UNTUK MBS"

Razali Kamaruddin
Kapten Bolasepak

PERSATUAN BOLA TAMPAR



Guru Penasihat:
En. Salleh

Pengerusi:
Chung Chee Chuan

Kapten:
Yap Pok Lai

Setiausaha:
Tay Tiong Kiat

Bendahari:
Lim Kok Khuan

Penolong Kapten:
Ding Lih Son

Ketua AJK:
Soh Ki Boon

AJK:
Yap Soon Eng
Lee Chun Keat

Kejayaan yang dicapai oleh pemain bawah 18 tahun pada tahun ini adalah memuaskan. Kami telah berjaya sehingga ke peringkat separuh akhir. Semasa di peringkat separuh akhir kami kalah disebabkan oleh kecederaan pemain terbaik. Celah jari kanannya terkoyak apabila dia cuba menahan bola 'spiking' Lukanya dijahit sebanyak lima jahitan.

Bagi bawah 15 tahun, mereka mempunyai banyak kemajuan berbanding tahun lalu. Mereka telah sampai ke separuh akhir. Ini mungkin kerana mereka masih baru dan kurang pengalaman

Akhir kata, saya ini mengucapkan terima kasih kepada Encik Salleh yang telah banyak membantu kami dalam latihan. Majulah sukan untuk sekolah!

Setiausaha

PASUKAN BOLA KERANJANG



Guru Penasihat:
Pn. Ng
En. Chan Chee Man

Setiausaha:
Leong Hoong Yee

Bendahari:
Heng Seng Poh

Pemain bawah 18 tahun:
Chan Weng Loon (Ketua)
Yap Soon Kuan (Pen. Ketua)
Teh Boon Liang
Foo Chee Kang
Lawrence Teh Kean Chee
Lee Choon Hon
Heng Seng Poh
Tan Pong Kian
Seng Thiam Boon
Wong Weng Kean
Chan Hor Wai

Pemain bawah 15 tahun:
Chong Kok Wah (Kapten)
Yap Boon Chong (Pen. Kapten)
Wong Kai Chun
Yu Chung Leong
Wong Sai Fei
Haresh Singh
Siew Foo WAh
Chan Kin Boh

Persatuan Bola Keranjang MBSS terdiri daripada bawah 15 tahun dan 18 tahun di bawah penyeliaan Pn. Ng dan En. Chan Chee Man. Latihan juga diadakan setiap hari Khamis, Jumaat dan Sabtu. Pasukan ini terdiri daripada 55 orang pemain. Matlamat Pasukan Bola Keranjang ialah untuk mempopularkan sukan bola keranjang di kalangan murid Cina dengan murid bukan Cina selain meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar dalam sukan ini tersebut.

Pada 18 Jun 1997 hingga 28 Jun 1997, Pesta Bola Keranjang (Lelaki) MSSWP Zon Sentul 1997 yang berada di SM Chung Hwa, Gombak, Kuala Lumpur. Matlamat kami ialah untuk mencapai kemenangan tetapi gagal pada tahun ini. Bagi pasukan pemain bawah 15 tahun merupakan agak baik bagi mereka kerana mereka telah berjaya memasuki pusingan kedua. Sungguhpun pasukan kami tewas, semangat kesukanan serta semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh para pemain tidak pernah luntur.

Akhir kata, saya selaku Setiausaha Pasukan Bola Keranjang MBSS (U.15 dan U.18) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat pasukan Pn. Ng, En. Chan dan tidak lupa juga kepada penolong kanan HEM, Puan Teoh. Mereka yang sentiasa memberikan sokongan moral serta tunjuk ajar.

Sekian, terima kasih.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Setiausaha

PASUKAN SEPAK TAKRAW



Guru Penasihat:
En. Shariel
En. Fadly

Pemain bawah 18 tahun:
Mazlan (C)
Mohd Razali Kamarudin
Farid Yusof
Saiful Adli Saharudin
Azwin Wahid
Fairuz Nizam Husin
Jefri Abd. Karim
Fadly Salim
Azmi Abd. Aziz
Aidel
Jasnirwan
Anuar Puteh

Keputusan Perlawanan Zon Sentul 18

MBS lwn Manjalara	menang	Percuma
MBS lwn B.B. Sentul	kalah	1–2
MBS lwn S.M. Agama	kalah	1–2

Keputusan Perlawanan Zon Sentul 15

MBS lwn Bandar Baru	menang	2–1
MBS lwn Maxwell	kalah	1–2
MBS lwn S. Agama	menang	2–0
MBS lwn Raja Ali	kalah	1–2


Walaupun tewas di peringkat Zon Sentul, pemain-pemain bawah 18 dan 15 tahun telah menunjukkan semangat yang tinggi dalam setiap perlawanan.

Akhir sekali, kami pemain-pemain Sepak Takraw mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Shahriel, En. Fadly, guru-guru dan rakan-rakan atas segala sokongan yang diberikan. Sekian.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

Ketua Pasukan
Mazlan

KELAB BADMINTON



Guru Penasihat:
Cik Majmiza Bt. Johar

Pengerusi:
Ananthan

Timbalan:
Mohd. Nazree b. Ahmad Latifi

Setiausaha:
Faizal b Shafiei

Timbalan:
Mohd. Izat

Bendahari:
Shahrul Rizal

Timbalan:
Rajchandra Sekera

AJK:
Tingkatan 5:
Durai Rajoo
Vikneswaran

Tingkatan 4:
Chong Kok Yeong
Kitsin

Tingkatan 3:
Siew Aik Weng

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan:–

1) Mesyuarat Agung
   - Pemilihan AJK baru
   - Pendaftaran ahli baru
2) Mesyuarat AJK
3) Latihan bermain badminton
4) Pemilihan pemain untuk sekolah
5) Mengadakan pertandingan badminton tertutup MBS, Sentul
6) Menyertai pertandingan badminton individu dan berpasukan peringkat Zon Sentul

Kelab badminton sekolah ini telah banyak berlatih bagi persediaan dalam pertandingan badminton peringkat Zon Sentul. Persembahan yang ditunjukkan oleh pemain-pemain badminton sekolah ini amatlah memberangsangkan dan telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam acara perseorangan bawah 18 tahun.

Dalam acara berpasukan bawah 15 tahun, Shahbeer Effendi telah berjaya menduduki tempat ketiga.

Dalam acara individu bawah 18 tahun pula, Mohd Nazree b. Ahmad Latif sekali lagi berjaya dengan cemerlangnya menduduki tempat yang pertama.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Majmiza, selaku guru penasihat, pihak sekolah dan sesiapa sahaja juga yang memberikan dorongan, sokongan dan nasihat yang dicurahkan kepada pasukan kami. Seterusnya, saya berharap persediaan yang lebih rapi dilaksanakan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang pada tahun hadapan. Akhir kata,

"MBS CERGAS TUNGGAK KEJAYAAN"

Setiausaha

KELAB PING PONG



Guru Penasihat:
Pn. Salwani
Pn. Choo Lik Pin

Pengerusi:
Mohd. Fairus

Naib Pengerusi:
Syafry Noor Sabaruddin

Setiausaha:
Seripul Azali

Pen. Setiausaha:
Tengku Ahmad Sufi

Bendahari:
Faizal Shafie

Pen. Bendahari:
Shaiful Izwan

AJK:
Saiful Adli
Nurhaslan
Fairuz Nizam
Chong Sze Meng
Zulfahmi

Kelab Ping Pong sekolah merupakan salah satu kelab sukan yang penting bagi menjana generasi cergas dalam sukan ping pong. Beberapa kemajuan dalam sukan ping pong di peringkat sekolah telah menaikkan nama sekolah di peringkat Zon Sentul.

Pasukan ping pong sekolah ini telah menyertai pertandingan ping pong peringkat Zon Sentul 1997 yang diadakan pada 21, 22, 23/7/ 1997 bertempat di S.M. La Salle Sentul, Kuala Lumpur.

Setelah berusaha dengan gigih pasukan M.B.S. Sentul bawah 15 tahun telah berjaya menjuarai acara berpasukan bawah 15 tahun dan naib juara bawah 15 tahun acara perseorangan. Pasukan bawah 18 tahun telah gagal melayakkan diri di peringkat suku akhir.

Berpasukan bawah 15 tahun	:	Juara
Perseorangan Cina	:	Naib Juara
Berpasukan bawah 18 tahun	:	Gagal melayakkan diri dalam suku akhir
Berpasukan bukan Cina	:	Gagal melayakkan diri dalam separuh akhir

Selepas berusaha dengan gigih, pasukan ping pong telah berjaya menghadiahkan pingat untuk sekolah pada tahun ini. Tahniah diucapkan kepada pasukan ping pong sekolah M.B.S. Sentul dan guru penasihat Kelab Ping Pong. Semoga pasukan ini akan terus menyumbangkan pingat dan mengharumkan nama sekolah di masa hadapan. Ribuan terima kasih diucapkan untuk semua guru yang membimbing Pasukan Ping Pong Sekolah ini.

"GIAT USAHA TUNJANG KEJAYAAN"

Seripul Azali Shamsuddin
Setiausaha

LEMBAGA KUARTER MASTER

Pengerusi:
Mohamed Faizal

Penolong Pengerusi:
Stephen Raj

Setiausaha:
J. Peter

Bendahari:
Roychandra Sekera

Penolong Bendahari:
Jayaselan

Disiplin:
Sathia

Penolong Disiplin:
Gopi

AJK:
Arokianathan
Durairajoo
Nagaraja
Kumaran

Lembaga Kuarter Master ini telah ditubuhkan pada tahun 1991. Tujuan penubuhan lembaga ini ialah untuk menyedarkan para pelajar tentang kepentingan menjaga harta benda sekolah daripada merosakkannya. Tugas utama lembaga ini menjaga harta benda sekolah daripada dirosakkan.

Pada bulan Januari 1997, kami telah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab untuk menguruskan harta benda sekolah setelah ahli jawatankuasa sesi 1995/96 meletak jawatan. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Kuarter Master bagi sesi 1996/97 yang telah diadakan pada 20 Januari 1997, kami telah merancang segala aktiviti yang akan dijalankan seperti yang berikut:

* Memeriksa kerusi meja yang rosak setiap hari.
* Mengedar penyapu ke setiap kelas.
* Membaiki kerusi meja yang rosak.
* Menjayakan projek tahunan Kuarter Master.
* Menjayakan sukan tahunan sekolah di stadium.
* Menolong cikgu, persatuan dan kelab lain ketika mengadakan pertandingan
* Menangkap pelajar-pelajar yang merosakkan harta benda sekolah
* Perlantikan Ahli Jawatankuasa bagi sesi 1997/98.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua sekolah, Penolong Kanan, Guru hal-ehwal murid, Guru penasihat kami iaitu Encik Lim Tong Eng dan guru-guru lain kerana memberi bantuan dan kerjasama kepada Lembaga ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kuarter master kerana bersatu padu dan bekerjasama untuk menjayakan tugasan yang diberikan. Saya berharap Lembaga Kuarter Master akan lebih maju pada masa akan datang.

Majulah kuarter master MBS Sentul.

Sekian terima kasih.

Mohd Faizal Kamal
Setiausaha

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada

PUSAT TUISYEN VISYEN BARU
35, Jalan Kovil Hilir Sentul

Darjah 2 hingga ke Tingkatan 5

Juga Kursus Komputer

With Best Compliments

From

NOVA ELECTRONIC ENTERPRISE

34B, Jalan 2/67, 47300
Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7762498.

Specialized in electronics components, electronic kits for schools.

KARUSA

1997.

PENGOTORAN ALAM SEKITAR

Memandangkan kepada masalah pengotoran alam sekitar yang semakin serius menyelubungi negara kita, kita haruslah mengorak langkah untuk mengatasi masalah ini. Sebelum itu, biarlah kita mengkaji apakah itu pengotoran alam sekitar dengan lebih mendalam dan mengetahui pokok pangkal yang menyebabkan berlakunya pencemaran ini.

Pengotoran alam sekitar seolah-olah merupakan satu 'penyakit' yang semakin berleluasa berlaku di negara kita dan terdapat banyak sebab yang menyebabkan berlakunya pengotoran alam sekitar. Terutamanya ialah sikap manusia sendiri. Sikap yang tidak bertanggungjawab dan bertimbangrasa menyebabkan manusia sentiasa membuang sampah-sarap di merata-rata tempat dengan sesuka hati mereka sahaja. Manusia yang seperti ini tidak pernah memikirkan kesannya terhadap diri sendiri dan orang lain, malah juga kepada masyarakat dan negara. Memang kita tidak akan berasa kecewa jika manusia tidak mengutip sampah yang bertaburan ini, tetapi yang amat mengecewakan ialah sikap manusia yang membuang sampah di merata-rata tempat kerana merekalah yang menyebabkan sampah-sarap bertaburan di merata-rata tempat.

Sebab yang kedua ialah pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar tidaklah begitu cekap. Kita semua pernah melihat tong sampah yang tidak dapat menampung sampah lagi dibiarkan begitu sahaja. Akibatnya, sampah-sarap bertaburan di lantai dan orang ramai mula membuang sampah dengan sesuka hati mereka sahaja. Pemungutan sampah yang tidak kerap oleh penguasa tempatan menyebabkan tong-tong sampah cepat dipenuhi sampah. Maklum sahajalah di tempat-tempat awam, orang ramai sentiasa bertali arus. Selain itu, apabila wujudnya masalah kekotoran yang agak serius di merata-rata tempat, tindakan daripada pihak yang bertanggungjawab agak lewat. Tegasnya, kecekapan pihak-pihak yang bertanggungjawab belum lagi memuaskan dalam menangani masalah pencemaran ini.

Untuk menangani masalah yang wujud ini, kempen-kempen kebersihan hendaklah diperhebat dan diperbanyakkan lagi. Pemimpin-pemimpin negara sewajarnya menjadi contoh atau teladan kepada rakyat dalam menjaga kebersihan. Dalam hal ini, media massa khususnya media elektronik dapat memainkan peranan yang amat berkesan kerana melalui televisyen, kesedaran tentang betapa pentingnya menjaga kebersihan dapat disemai dalam jiwa orang ramai.

Kita dapat memperolehi banyak manfaat jikalau alam sekitar bersih. Antaranya ialah keadaan kesihatan yang lebih baik kerana kita dapat mengelakkan diri daripada jangkitan penyakit, misalnya penyakit demam tinggi, taun dan penyakit-penyakit lain yang berbahaya. Selain daripada itu, dalam era menjadikan pelancongan satu industri yang maju, imej negara di mata pelancong luar negara mestilah dipelihara kerana kita inginkan negara kita terkenal dengan keadaannya yang bersih dan indah. Jikalau usaha-usaha untuk menangani masalah ini berjaya dijalankan, nama baik dan imej negara pasti mendapat pujian daripada pelancong-pelancong yang datang dari luar negara.

Tan Yok Seng
5B1

REMAJA DAN GEJALA SOSIAL

Gejala sosial yang melanda para remaja terutamanya di kalangan masyarakat Melayu semakin membimbangkan walaupun kerajaan telah mengadakan pelbagai rancangan untuk menangani masalah ini. Di manakah silapnya apabila lebih ramai anak Melayu terlibat dengan pelbagai masalah sosial berbanding anak-anak kaum lain?

Banyak faktor yang boleh dirujuk sebagai punca terjadinya masalah sosial di kalangan remaja dan masyarakat biasanya mudah menuding jari kepada orang lain. Mereka menyalahkan kerancakan pembangunan, sistem pendidikan, kemunculan pusat hiburan, pusat beli belah untuk melepak dan pelbagai puncanya kepada kerajaan. Tidak salah meletakkan sedikit kesalahan kepada kerajaan tetapi institusi keluarga mempunyai peranan penting dalam mencorak masa depan para remaja ini dan latar belakang keluarga amat penting. Anak-anak akan berasa bosan tinggal di rumah sekiranya tidak wujud suasana kekeluargaan di rumah. Mereka lebih gemar mencari hiburan di luar dengan memberi alasan mengikuti kelas tambahan, kegiatan ko-kurikulum dan pelbagai alasan lain.

Malangnya ibu bapa tidak pernah menyiasat kesahihan alasan itu dan mengambil sikap tidak peduli walaupun anak-anak pulang lewat. Lebih mendukacitakan, ibu bapa yang mempunyai keluarga ramai tidak gemar melihat anak berada di rumah lebih awal kerana mungkin menimbulkan masalah lain. Bagi ibu bapa yang bekerja pula, anak-anak mereka lebih bebas untuk ponteng sekolah atau pulang lewat tanpa pengetahuan ibu bapa mereka.

Mungkin jalan keluar kepada masalah ini ialah melalui sekolah satu sesi apabila anak-anak berada lebih lama di sekolah. Tetapi cara ini adalah untuk jangka pendek. Ibu bapa tidak harus meletakkan tanggungjawab mendidik kepada guru sahaja. Oleh itu, institusi keluarga perlu memainkan peranan penting untuk mendidik para remaja dan membentuk generasi yang bersahsiah dan berakhlak tinggi yang mampu berhadapan dengan pelbagai gejala sosial. Pendidikan agama perlu dititikberatkan supaya mereka dapat menilai yang mana baik dan buruk. Ibu bapa juga perlu menjadikan keluarga mereka dalam keadaan aman, damai dan harmoni selaras dengan konsep 'Rumahku Syurgaku'.

Sesetengah remaja tertekan dengan keadaan sekeliling membuatkan mereka bertindak mengikut perasaan. Oleh itu, ibu bapa yang bertindak sebagai kaunselor utama dalam keluarga perlu melengkapkan diri dengan kefahaman psikologi remaja. Anak-anak perlu dibimbing dan dibantu dalam pergaulan mereka, kewangan, pendidikan dan kerjaya.

Gejala sosial ini perlu dibendung segera dan jika ianya berlarutan bukan sahaja menyusahkan para remaja dan ibu bapa malahan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan negara. Sebaliknya, semua pihak perlu memainkan peranan dalam membanteras masalah sosial di kalangan remaja. Ibu bapa, guru, pihak berkuasa dan masyarakat perlulah lebih tegas melakukan sesuatu untuk mempertahankan generasi pelapis negara ini. Sama-samalah kotakan ungkapan ini; Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Hasil nukilan,
Dzulhelmi, 3 Murni 2

PERSAINGAN IV

Kring.... jelas kedengaran loceng berbunyi menandakan waktu persekolahan di Sekolah Menengah Raja Ram bermula. Para pelajar dari pelbagai lapisan bangsa melangkah masuk ke kelas masing-masing.

"Bangun...!" seisi kelas tingkatan 2 Zuhal bangun serentak seraya mendengar suara lantang ketua kelas mereka, T. Gopinath. "Selamat sejahtera, cikgu," laung warga pelajar memberi ucapan apabila Puan Nurbainun, guru tingkatan mereka memasuki kelas.

"Baiklah kelas, hari ini cikgu hendak memberitahu berkenaan peperiksaan semester kedua yang akan bermula minggu hadapan. Saya percaya kamu semua sudah pun mengulangkaji kesemua mata pelajaran. Bagi subjek Matematik, saya yang membuat soalan. Hadiah akan diberi pada sesiapa yang memperolehi 90 markah ke atas," jelas Puan Nurbainun panjang lebar.

"Cikgu, apa hadiahnya itu?" tanya Tji Seng ragu-ragu.

"Hadiahnya rahsia, tidak boleh diberitahu sekarang," balas Puan Nurbainun berteka-teki.

(Pada waktu rehat)

"Assalammualaikum rakan-rakanku. Rancak berbual, nampak! Berbincang tentang topik apa tu sehingga saya ke mari pun tidak perasan," tanya Anwar ingin tahu.

"Waalaikumusalam. Begini sebenarnya, kami ni cuma memikirkan tentang hadiah yang diperkatakan oleh Cikgu Nurbainun di kelas tadi," jawab Azrul.

"Lah...Ingatkan apa tadi, ingatkan konsert Ning Baizura diharamkan," balas Anwar berjenaka.

"Kamu ni asyik-asyik Ning Baizura, penyanyi lain tak ada ke? Bibirnya dah lah tebal 'yarabi'." kata Edzuan menyampah.

"Sudah....sudah...jangan bergaduh pula. Di mana kita tadi?" tanya Radzi menyambung perbualan.

"Mengenai hadiah misteri itulah tetapi sebelum itu, molek rasanya kita makan dahulu. Perut saya pun tengah berdangdut ni," cadang Azrul.

"Setuju...setuju...saya setuju tapi siapa nak belanja saya? Edzuan...Oh...Edzuan, belanja saya boleh, tak?" tanya Anwar mengada.

"Boleh....tetapi saya hanya belanja awak, tukang membayarnya awak," kata Edzuan sambil mengira duit.

(Di halaman rumah Azrul)

"Kenapa panggil kami semua berkumpul di sini," tanya Radzi kepada Azrul

"Berkenaan dengan hadiah misteri itulah tetapi mana Anwar ni, batang hidung pun tak nampak?" rungut Azrul.

"Hah....itu pun dia sudah sampai," jelas Edzuan sambil menuding jari ke arah Anwar.

"Apalah kamu semua ni, benar-benar mengganggu ketenteraman umum. Saya tengah syok dengar lagu 'Ke Sayup Bintang', tiba-tiba Azrul telefon suruh saya ke sini. Ada apa hal ini?" keluh Anwar.

"Begini, sebenarnya. Tujuan kita berhimpun di sini ialah untuk membuat satu perjanjian yang dinamakan perjanjian 'Persaingan IV'. Syarat-syaratnya ialah di antara kita berempat perlulah bersaing sesama sendiri untuk memperolehi 90 peratus markah bagi kertas Matematik. Sesiapa yang memenanginya, dialah yang akan tahu, apakah hadiah yang akan diberikan oleh Cikgu Nurbainun kelak," terang Azrul dengan jelas.

"Ada apa-apa kemusykilan? Jika tiada, secara tidak langsung termeterailah satu perjanjian 'Persaingan IV'," ucap Azrul bagaikan pemimpin.

"Edzuan, awak fikir bagaimanakah rupa hadiah misteri tersebut?" tanya Anwar sambil menangkat dagu.

"Awak nak tahu rupa hadiah misteri itu ya! Rupanya seiras muka Ning Baizura," balas Edzuan bersahaja.

"Oh, benarkah begitu?" tanya Anwar menguntum senyuman.

"Harap-harap tidak!" celah Radzi selamba.

(Di kelas 2 Zuhal)

Peperiksaan semester kedua telahpun selesai. Hari penentuan telahpun tiba bagi para pelajar di kelas 2 Zuhal untuk mengetahui siapakah yang memperolehi markah cemerlang dalam subjek Matematik. Seisi kelas resah menantikan kehadiran Puan Nurbainun. Tiba-tiba, "Bangun...!" kedengaran suara lantang T. Gopinath. "Selamat sejahtera, cikgu." Laung ucapan paling padu seluruh isi kelas.

"Baiklah, kamu semua pasti ternanti-nanti, siapakah pemilik bagi hadiah yang besar ini?" kata Puan Nurbainun seraya menunjukkan hadiah tersebut.

"Wow, besarnya! Apa isi dalamnya! Orang ke!" Goh bertanya bertalu-talu.

"Sabar...bawa bertenang. Hadiah ini saya sediakan besar kerana pemiliknya seramai empat orang. Tanpa membuang masa, sekarang dipersialkan empat hero Matematik kelas kita yang terdiri daripada Kamal Edzuan, Anwar Qhair, Azrul Zulkarnain dan Radzi Su. Dijemput ke hadapan untuk menerima hadiah ini. Mereka berempat memperolehi markah penuh dalam kertas Matematik. Syabas saya ucapkan?" puji Puan Nurbainun.

"Cikgu, boleh kami buka hadiah ini sekarang?" tanya Anwar tidak sabar.

"Silakan," balas Puan Nurbainun.

Lantas, mereka segera membuka bungkusan hadiah misteri tersebut yang menjadi igauan mereka selama ini.

"Oh, my God!" jerit Anwar.

Rupa-rupanya hadiah misteri itu hanyalah....

Hasil Nukilan,
Khairul Annuar K.S.B.
2 Murni 1

LAGENDA KUASA

Malam ini ialah malam yang dinantikan oleh anggota kumpulan kongsi gelap yang disertai Ronne beberapa hari lalu. Tujuan Ronne menyertai kumpulan itu kerana ingin melindungi dirinya daripada ugutan budak-budak 'crook' sekolahnya.

Walaupun baru beberapa hari menyertai kumpulan itu dia sudah dipilih membantu kumpulannya menentang sebuah kumpulan kongsi gelap yang mencabar mereka. Mahu tak mahu Ronne terpaksa menuruti arahan ketua kumpulannya.

Tepat pukul 11.00 malam, Ronne dan kumpulannya sudah bersedia menanti kunjungan lawannya di belakang bengkel motor milik rakannya, Dicky dan Lupin. Berbekalkan sebilah parang dan buku lima, Ronne menanti dengan hati yang berdebar-debar. Mana taknya ini adalah pertama kali dia menyertai satu pergaduhan yang melibatkan kumpulan kongsi gelap.

Tiba-tiba sekumpulan pemuda datang ke arah mereka dengan membawa sepanduk bertulis 'Show No Mercy' sambil di tangan mereka memegang senjata seperti parang, kapak dan kayu. Ronne bersedia dengan senjatanya dan telinganya menanti arahan ketuanya.

Serentak dengan itu ketuanya berteriak menyuruh konco-konconya menyerang dan dengan itu satu pergaduhan yang 'brutal' menghiasai kesunyian pada malam itu. Ronne turut juga bertarung bersama-sama mereka.

Disebabkan kurang pengalaman, akhirnya Ronne rebah tidak bernyawa setelah ditetak di bahagian kepala dengan kapak dari arah belakang.Kepala Ronne bersembur dengan darah pada masa itu. Hanya Tuhan yang tahu betapa ngerinya kejadian itu.

Pada masa itu juga polis telah berjaya mengepung dan menangkap mereka yang terbabit dengan pergaduhan itu. Dan Ronne melalui malam yang tidak pernah diduganya selama ini.

Setakat ini sahaja Zargus pun menutup buku ceritanya yang berjudul 'Lagenda Kuasa' itu kerana hari sudah larut malam.

Ahmad Farid
2 Murni 1

"AMPUNKAN LIZA IBU"

"Liza, oh Liza" kedengaran suara garau seorang wanita lewat 50an memanggil anaknya Liza, tatkala itu juga muncul seorang gadis dalam lingkungan umur 19 tahun dari dalam biliknya dengan keadaan dirinya yang tidak terurus... "Ada apa mak, pagi-pagi buta dah nak memekak." Ibu Liza tidak berkata apa-apa sebaliknya mengeluarkan beberapa keping not lima ringgit dan menghulurkan dua keping kepada Liza, "nak tolong ibu pergi kedai Sun Sun dekat hujung sana tu, belikan ubat lelah ibu" wanita tua itu mengeluar kata-kata dengan nada yang lemah. "Penyakit ibu dah datang baliklah Liza" sambungnya lagi. "Alah bu, Liza malaslah, suruh aje Leman tu pergi beli," sambil menudingkan jarinya ke arah seorang pemuda dalam lingkungan 20an yang sejak tadi

berkeliaran dengan kereta mainannya. "Leman tu bukannya tahu apa-apa, dahtu dia kurang siuman" belum pun sempat ibu Liza habis berkata lantas Liza memalingkan muka dan melangkah menuju ke biliknya kemudian menutup pintu biliknya dengan kuat. Ibu Liza tidak berkata apa-apa sebaliknya mengeluh panjang, dia memang sudah masak dengan perangai anak tunggalnya yang memang tidak menghormatinya sebagai seorang ibu sejak kematian bapanya akibat diserang penyakit jantung lima tahun dahulu.

"Sun sun bagi ubat lelah yang biasa, sun" pinta ibu Liza daripada tukang jual ubat itu. Tanpa banyak soal tukang jual ubat itu menyerahkan ubat itu kepada wanita itu. Sambil mengambil ubatnya dan membayar wang bagi ubat itu, wanita itu sempat menjeling tuan kedai itu.

"Di tepi pantai yang indah,. aku duduk seorang diri, suasana.....sepi," sambil mengikut senikata lagu yang berkumandang di udara, Liza menjeling ke arah pemuda yang agak kurang waras yang selalu bermain di sekitar rumahnya. Selepas puas menyanyi Liza pergi ke dapur untuk mencari apa-apa yang boleh dimakan kerana dari pagi dia belum makan. Jam menunjukkan pukul 12.20 tengahari. "Mana mak aku ni dah hampir sejam pergi kedai, tak balik-balik lagi. Dah sesat ke agaknya," sambil berbisik di hatinya.

"Liza, Líza" baru saja Liza hendak menyuap makanan ke mulutnya tiba-tiba kedengaran orang memanggilnya. "Alahai, siapalah pulak yang menyibuk ni, tak habis-habis. Orang tengah lapar pulak ni, nak kacau orang," Liza mengeluh kecil, dan menuju ke beranda dan melihat Busu salah seorang jirannya terjegat di luar rumahnya dalam keadaan tercungap-cungap. "Ada apa pak cik datang..." Belum sempat Liza habis berkata-kata lelaki itu menyuruh Liza turun dari rumah. "Liza, mak engkau kena langgar kereta depan rumah Haji Ahmad". Serentak dengan itu juga pinggan yang dipegang oleh Liza jatuh berkecai dan dia merasakan seolah-olah dirinya kaku tidak dapat bergerak lagi. Setitik demi setitik air jernih mula mengalir keluar dari anak mata gadis itu. "Apa lagi yang engkau tercegat tu, cepat kita pergi tengok mak engkau dekat rumah Haji Ahmad." Sambil mengesat airmatanya, Liza menuruti pemuda itu.

"Mak ampunkan Liza mak, Liza bersalah mak, ampunkanlah Liza mak." Liza meraung-raung di hadapan tubuh wanita yang bergelar ibu, namun semuanya sudah terlambat, Liza hanya menangisi orang yang tidak akan memahami erti tangisannya, walaupun dia mengeluarkan air mata darah sekalipun ibunya yang sudah meninggal itu tidak akan bangun semula. Orang yang datang ke rumah Haji Ahmad makin lama semakin ramai, mereka cuba menenangkan gadis itu dan menyuruhnya beristighfar. "Memang tiada gunanya lagi Liza menangis, ibumu sudah tiada lagi" sempat juga isteri Haji Ahmad berbisik ke telinga Liza. Suasana di rumah Haji Ahmad hening seketika cuma kedengaran burung-burung berkicau di perkarangan rumah...

SEKIAN.

Nama
Tingkatan

PEMIMPIN WAWASAN 2020

Wahai anak muda,
Bangunlah dan sedarlah
Jangan tidur lena semua
Wawasan 2020 siap tercipta.

Setiap masa itu berharga
Setiap ilmu itu bermakna
Mari kita bersama-sama
Mencapai cita-cita.

Kita semua ada peranan
Untuk menyahut sembilan cabaran.
Sinari hatimu dengan cahaya kebenaran
Moga harapan negera jadi kenyataan.

Wahai anak muda teruskan perjuangan
Tanpa perlu berhenti
Buat bekalan di masa hadapan.
Wawasan 2020 berjaya nanti.

Tamil Maran a/l Krishnan
3 Bakti 1

PENYESALAN

Aib aku dalam kegelapan
menanti hati meredakan alun keresahan
namun
belum dapat kuatasi
amanat yang diberikan.

Rasanya aku belum menamatkan adegan
ini
masih menunggu
darurat yang sering mengganggu
di kamar penyeksaan

Deruan kegagalan
mengatasi bisikan kemenangan
sesekali degupan jantung
gagap terkenang.

Penyesalan tidak dapat meredakan
kegagalan yang menindas
kerana dialah yang berhak
menentukan nasib mahkluk yang bernama
manusia.

Hasil ilham,
Fadzlee
4 Murni 1

PANTUN

Anak harimau lima-lima,
Mati ditimpa punggur berdaun,
Budi tuan kami terima,
Jadi kenangan bertahun-tahun.

Baik bergalas baik tidak,
Buli-buli bertali benang,
Baik berbalas baik tidak.
Asal budi sama dikenang.

Anak beruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari,
Biar buruk baju dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.

Sampan kotak hilir mudik,
Dayung patah galah sebatang,
Ikhtiar tidak datang bergolek,
Akal tidak datang melayang,

Buah rambutan dari permatang,
Dibawa dengan putik kelubi,
Dari sentul saya dah datang,
Bertemu tuan yang baik hati.

Ahmad Hafis
5 Murni 3

CABARANMU SPM

SPM,
Ku menanti di hadapanmu
dengan penuh keagunganmu
dari hari ke hari
aku makin menghampirimu
bersama-sama teman seperjuangan
menaruh impian dan harapan

Hadirmu kami nantikan
bersama sebuah kepastian
kerana yang pasti
pelabuhanmu akan kami kunjungi
untuk kami layarkan
jawapan di mercu tanda tanya
JAYA ATAU GAGAL
hanya yang Esa Maha mengetahui

Teman,
walau apa jua keputusannya nanti
ketahuilah,
kalian sentiasa dalam ingatan
saat-saat pahit manis bersama
akan kugenggam erat dan padu
lantas kusematkan dalam hatiku

Moga di suatu masa nanti
kitakan bersua kembali
dan mengulangi sejarah silam
Insyaallah....

Nukilan rasa:
Ahmad Hafis b. Abd Hamid
5 Murni 3

ERTI KEHIDUPAN

Kehidupan adalah;
- *satu tujuan,*
- *satu perjanjian,*
- *satu peluang keemasan*

Capailah tujuan tersebut, tunaikanlah janji itu dan gunakanlah peluang yang ada.

Kehidupan adalah;
- *satu perjalanan,*
- *satu tugas,*
- *satu perjuangan,*

Tamatkanlah perjalanan itu dengan selamat,
laksanakanlah tugas tersebut dan perjuangkanlah sehingga berjaya.

Kehidupan adalah;
- *satu cabaran,*
- *satu peristiwa,*
- *satu impian,*

Sahutilah cabaran itu, beranikanlah diri, menerima peristiwa tersebut dan jadikanlah mimpi itu satu kenyataan.

KEHIDUPAN ADALAH SATU PEPERANGAN;
TANAMLAH KESABARAN,
KEBERANIAN DAN KEKUATAN DALAM MENGHADAPI PERJUANGAN ITU.

Vimal Jeganathan a/l Verasamy
3 Murni 2

MBS

Kisahnya bermula enam dekad yang lalu
berdirilah sebuah pusat pendidikan
yang amat sederhana
demi memenuhi impian masyarakat sekitar
buat anak-anak watan yang dahagakan ilmu

Tahun 1936
tegaknya Methodist Boys School Sentul
dengan agenda utamanya
menyebarkan ilmu pengetahuan
kepada seluruh masyarakat.

Ia terus mengorak langkah
tanpa menoleh ke belakang lagi
mencari identiti tersendiri
bagi mencapai matlamat murninya
menyebarkan ilmu kepada masyarakat
tanpa jemu, tanpa henti dan tanpa bosan.

Ia turut menyaksikan
Perang Dunia Kedua yang memalapkan usahanya buat sementara
diketika bala tentera Nippon menyerbu dan mengganas
ia juga turut merosakkan kepedihan dan kesengsaraan.

Setelah segala-galanya berakhir
detik kemerdekaan menambahkan lagi seri wajahnya
anak-anak bangsa berlumba mengejar ilmu
buat hari muka yang semakin mencabar
dalam mengisi erti kemerdekaan sebenar
ia terus anggun berdiri dan terus canggih menyampaikan ilmu.

Di sinilah lahirnya cendikiawan dan teknorat
yang menjadi kebanggaan negara
di sinilah lahirnya jaguh-jaguh sukan
yang mengharumkan nama negara di mata dunia
di sinilah segalanya bermula.

Kini, setelah 60 tahun berlalu
ia masih mantap dan gagah
meneruskan misinya yang tak kunjung selesai
untuk mendidik anak bangsa dengan sempurna
agar dewasanya kelak menjadi manusia berguna
bukannya perosak suasana

MBS terus berdiri megah
mengibarkan bendera kegemilangan
Semoga MBS terus gigih menabur jasa
Demi mencapai wawasan negara.

Nukilan,
Dzulhelmi
3 Murni 2

MARUAH...

Sekali matahari jatuh, ia akan timbul
di keesokan harinya, tetapi...
Sekali maruah kita jatuh,
Bermulalah detik hitam dalam
Hidup kita...dan...yang
Pasti semua insan yang lain akan
memandang hina pada kita...

Tiada pelita yang dapat menerangi
kehidupan kita di dunia dan akhirat
kecuali pelita hati yang di...
sinari dengan cahaya
keimanan....

Gobinath
Ting 5 M2

DIKIR MODEN 5M2

Selamat sejahtera kami ucapkan.
Kepada guru yang disanjungi
Hari ini kami ingin menyampaikan
Dikir moden ciptaan kami.

MBS sekolah kami
Tempat untuk menimba ilmu
semua guru sangat dedikasi
Pengajaran guru bermutu tinggi.

En. A. Atputhraja pengetua kami
Sentiasa berpakaian rapi dan kemas
Bersikap tegas jalankan tugas
Masalah sekolah semua ditangani.

Cikgu Zabidi guru kelas kami
Mukanya manis berseri-seri
Guru disiplin yang baik hati
Itulah guru kami sanjungi

Puan Jauriah guru bahasa
Bahasa kebangsaan Bahasa Malaysia
Orangnya manis tak pernah marah
Tindakkah tertekan jiwa mengajar kami?

Guru English, Puan Rohana
Senyuman manis macam gula
Mengajar kami petah berbahasa
Supaya menjadi orang yang berguna.

Puan Low guru sains kami
Suka sangat guna O.H.P.
Bila mengajar serius sekali.
Cara mengajar menawan hati.

Cikgu Fadhil dan Cikgu Rahmat.
Guru yang tegas dalam hal disiplin.
Walaupun garang berhati murni
Cakap bohong kenalah kami.

Rupanya garang tetapi hatinya lembut.
Itu dia Cikgu Lim guru moral.
Mengajar moral hebat sekali.
Guru yang menjaga kerusi, meja.

Cikgu Arif ketua disiplin sekolah.
Mukanya manis, berkaca mata.
Bersikap tegas jalankan kerja.
Itulah guru yang kami hormati.

Sekian sahaja persembahan kami
Kami menyusun sepuluh jari
Kalau silap harap maafkan.
Semoga berjumpa di lain kali.

Direka oleh Sri Kanth
Kelas 5M2

PANTUN CINTA...

Jauh-jauh membawa diri,
Untuk mengubati hati yang lara,
Cuba-cuba ku pujuk hati,
Namun cinta tak boleh dipaksa.

Burung merbah terbang di awan,
Hinggap sebentar di dalam taman,
Janganlah kau putuskan hubungan,
Biarlah kekal sebagai kawan.

Bersahabat biar seribu
Berkasih biar satu.

Cemerlang ku.....

Mekar mewangi bunga siantan,
Dihinggap lelah madunya hilang,
Marilah bangun pelajar sekalian,
Bangun menjadi insan cemerlang

Meredah hutan mencari tempua,
Berbekalkan air kelapa muda,
Kepada sahabat member semua,
Maaf dipinta jika terkasar bahasa.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh hamba menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Bolehlah kita berjumpa lagi.

Gobinath 5M2

MAUT

Semalam sudah berlalu
sehari lagi usia telah dilewati
sedarlah kau wahai insan
kian hari usia kian tipis
Apakah kau yakin akan melihat dunia
keesokan harinya
kau masih berkhayal lagi teman
dengan keenakan dunia
dikejar dosa dan noda
Kembalilah
Pintu taubat masih terbuka buatmu
Ketahuilah
Sakaratul maut tiada perasaan belas
atau simpati.
Kehadirannya tidak diundang
Sekelip mata tidak ditangguhkan
Bersedialah
esok engkau akan mati.

Rekan Sri Kanth
5M2

ABE?

Abe
Dunia yang bulat
Adalah bersegi baginya
Benda yang hodoh
Menjadi cantik pada pandangan mata

Abe
Tin susu di pinggang
Adalah teman sepermainannya
Nyanyian untuknya
Amat pilu mengusik jiwa

Abe
Dia disambut
Bukan di pesta besar
Sambutan yang diterima
Adalah sepak terajang dan penghinaan

Abe
Air mata adalah teman
Tetapi tidak pernah dimengertikan
Dia terus hidup
Di dalam dunianya

Abe
Bertemankan Che' Din
Belaian manja oleh Nenek
Abe terus melangkah penuh gah
Menepis tohmahan terhadap dirinya.

Ahmad Farid
2 M 1

RATUKU

Ratuku
Tatkala ini diriku sering terbayang kenangan,
Kenangan yang dahulu,
Saat di mana dikau masih milikku,
Saat di mana dikau menyayangiku,

Ratuku
Sepanjang kehidupan ini,
Aku sentiasa mencari jawapan,
Apakah diriku ini milikmu,
Apakah kasihku ini untukmu.

Ratuku
Sepanjang perhubungan ini,
Kita bersama mengharungi onak,
Kita bersama berkongsi kenangan,
Namun ianya hanya sementara.

Ratuku
Di saat ini aku sentiasa terkenangkanmu,
Namun pengorbananku selama ini sia-sia,
Dikau berpaling dariku yang menyayangimu,
Dikau pergi meninggalkan diriku.

Ratuku
Aku sentiasa mendoakan kesejahteraanmu,
Segala kenangan dahulu akan ku nostalgiakan,
Dikau adalah puteriku,
Semoga dikau memahami hatiku wahai gadisku.

Husin
5B1

GURU

Guru
Jari-jariku yang dahulu kaku,
Kini sudah lancar mengukir,
Lidahku yang dahulu kelu,
Kini petah berbicara.

Guru
Pemikiranku yang dahulu kosong,
Kini telah matang dengan pengalaman,
Dirimu umpama dian yang menyala,
Membakar diri demi menyinari kegelapanku.

Guru
Setiap pengorbananmu akan ku sanjung,
Setiap titik peluhmu akan ku hargai,
Tanpa bicara dan teguran siapalah aku,
Tanpa nasihatmu sia-sialah diriku.

Guru
Rasanya terlalu cepat masa beransur,
Kini tiba waktunya diri ku akan berlalu,
Berlalu meninggalkanmu dan juga alammu,
Tetapi percayalah guru,
Jasamu tetap ku sanjung.

Husin
5B1

KELUHAN SEPI

Bersama angin sore ini
Ku layarkan kesalahanku
Pada diri
Pada hati
Yang kian pasrah.

Semalam yang berlalu
Menjanjikan pengajaran
Hari ini yang ku lalui
Mengajar erti kesabaran
Adakah esok kesabaran teruji lagi.

Masihkah ada sisa bahagia
Yang akan ku kecapi....

Oh tuhan....
Aku pasrah dengan takdirmu
Mengapa engkau menguji aku
Dengan semua ini

Hati sering menangis
Jiwa dihimpit kekesalan
Kesunyian dan kepiluan juga
Kerana tiada bahagia.

Kini sekali lagi
Kesabaran teruji
Bersama keluhan
Bersama rintihan
Kugagahi jua
Kerana untuk memenuhi
Kehendak tuhan
Kehendak Yang Esa
Dialam fana ini.

Hasil coretan:–
Shahizal Masrol
5 Bakti 1

LAKONAN JENAKA: UBAT

Seorang tua telah mengadu kepada keluarganya, badannya tidak sihat selama seminggu. Keluarganya pun menasihatinya supaya berjumpa doktor di hospital. Pada esok harinya dia pun pergi ke hospital.

Doktor : Apa sakit encik

Orang tua : Badan saya tak berapa sihatlah doktor.

Doktor : Sudah berapa hari awak sakit?

Orang tua : Sudah seminggu doktor.

Doktor : Apa? Seminggu? Kenapa tidak datang awal? Baik, saya beri ubat. Ubat ini awak makan dua sudu sekali, sehari makan tiga kali.

Orang tua : Baik tuan. Terima kasih.

(Tiga hari kemudian)

Doktor : Apa belum baik lagikah?

Orang tua : Sekarang bertambah sakit doktor. Tak boleh tahan.

Doktor : Baik, mari ikut saya. Saya nak ambil gambar x-ray.

(Apabila gambar x-ray siap diambil)

Doktor : Patutlah awak bertambah sakit. Macam mana boleh ada sudu di dalam perut encik?

Orang tua : Tempoh hari tuan cakap makan dua sudu. Sehari tiga kali. Jadi sehari saya makan enam sudu. Tiga hari saya makan lapan belas sudu. Saya betul-betul ikut nasihat tuan doktor.

Doktor : Ya, tak ya juga!

PERLUKAH AKU MELUPAKAN...

Meniti saat bersama limpahan ilmu
di gelombang mindamu
kau bagiku
Purnama mengambang
Kehadiranmu hanya sedetik
namun
menyuluhi malapnya galaksi fikiran
berbicara tentang pengalaman
jua kehidupan
Perlulah aku melupakan...
walau sementara
kepayahanmu
kau terlalu banyak
mendidikku erti di sebalik
kesabaran.

Nukilan rasa
Khairul Annuar K.SB 2 Murni 1

BEING A PREFECT IS NOT BEING PERFECT

"A PREFECT IS PERFECT". Being a prefect is not easy! Especially the Head Prefect!

Everyone will look at you and they might think that wearing a smart tie and a different uniform is very special. Well, I don't think so. Why, you may ask?

"Don't you just love being a student who goes to school daily without a single thing to worry about?

*Don't you just love it when you don't have to miss your lessons to attend a long, tiring, not to mention, boring meeting that seems to have no point after hours and hours of discussion?

*Don't you just love it when you walk along the corridors and hope that none of the teachers sees you and calls you "Hey, you prefect! I need your help. Could you do me a favour?". "Oh! No! Not again!"

I don't deny that there are benefits of being a prefect and that the experience and the knowledge will come in handy someday. I hope so. As a prefect the teacher and even the good students from the school will respect us. This is because they consider you as a leader of the school. Besides that, your parents will respect you to because they feel proud of you and might think that you are a smart student in the school. Being a prefect is good because they get more priorities like a good testimonial. Having a good school certificate also guarantees you a better chance to get a job in the future. This is because you have leadership qualities and experience from the school. Sometimes it's really good because you get certain privileges. For example when there is a holiday package offered by colleges. Prefect is the first one who stands a chance. Moreover, if you need a document signed or certified, the school clerk will look at your smart uniform and tell you "CONSIDER IT DONE!". But it's not as glamourous as it sounds.

Prefect are practically slaves of the school. The teachers send us to run errands all over the school. We may be send to give announcements to the students class by class. Just imagine, when all the other students are sitting comfortably in class, we, the prefect, have to walk around the school with a small piece of paper. If you ever wonder why prefect in your class are missing during lessons, this might just be a good explanation.

The worst thing about being a prefect is that we are often considered the enemy by other students. Especially when they are caught by any of the prefects. They can challenge you in front of all their friends. But when they face a discipline teacher, they will always say "SORRYLAH, PLEASE FORGIVE US!". Once you are a prefect you are seen as belonging entirely to a new race!

To all you people who dream of becoming a prefect, my advice is: If you endurance level is high and you are willing to go through immense hardship, then go ahead. Hope your dreams will come true.

Russell Ong Chiew Wai
5 Setia 2

WRONG LOVE

It was such a lonely night. I was sitting all by myself, thinking of what wrong had I done. Now, the most precious diamond in my life had just left me and would not come back anymore. All these years, she was the only thing that I wanted to be with. I could only wish that the fire in our hearts did not extinguish.

Suddenly, my brother, my best pal since the day I was born, came by. He know I was in trouble by looking in my eyes. He questioned me a lot, but I refused to answer.

He then asked me to go for a drink with him. So we went to the nearest limbo bar and we drunk. Maybe he was thinking of "In wine there is truth". The wine made me a bit dizzy and of course my pain spilled out bit by bit.

I told him that I broke up with my girlfriend just because that she did not want me to be a mechanic. Maybe she was right. Maybe I should have continued with my studies. My brother agreed too. He said that he would pay for my studies until I got my university degree.

As a result, I continued with my studies. I worked as hard as a bee. I studied day and night, burned midnight oil until the wee hours of the morning. I aimed to be the best of the best. On the day, I really succeeded, the first thing I wanted back was my precious diamond.

I wondered how happy she would be when she knew of my success. But, all went wrong. I was too late. I could see her walking hand in hand with another man. My heart was crushed into a billion pieces. I lost all hope.

From that day onwards, my time was spent in the same limbo bar where I thought I had found my solution. Slowly, but surely I had become a drunkard and a midnight crawler. My brother knew this was happening and he would advise repeatedly but I would just ignore him.

On my birthday night, my brother was to meet me at the same limbo bar to celebrate my birthday. He brought a girl with him. She looked familiar to me.

Then, it struck me! She was the diamond I had lost all these years. I was shocked that I did not know what to do. My brother left us alone. She listened to my story of determination for her sake and she still loved me, she even loved me more.

We chatted for about two hours and then it was time to send her home. Luck was not with me. On the journey to her home, a terrible accident happened. The next thing I knew was when I woke up in the hospital, my brother told me that I was crippled and my diamond would not be able to come back anymore because she had gone to a far-away place called paradise.

Now, I am sitting alone by myself, where my memories constantly haunt me.

Ding
5S2

'F.I.L.E.S'

Date : 13 March 1991.
Place : Washington D.C.
Case THE TRUTH....

"It's not fair! It's not fair! Wait till I get my hands on Duncan," I swore. Revenge was foremost in my head now as anger seized me.

My partner took one look at me and knew something had happened. She remained silent till I sat down and gulped down my Scotch. My partner, Agent Emily Jonesmith, attended to my wounds as I winched and cursed.

"He's an idiot. All of them are involved. Believe me or not, the government's also involved."

"What?!" exclaimed Emily. "Are you saying that after all these years the government is behind this? Tell me Owen. Tell me it's not true."

"I'm afraid it's true Emily," I sighed. This was my third encounter with Duncan McGillivary, and each time it was getting increasingly difficult to repress my anger.

It had all begun when both Emily and I were instructed by that 'bald Duncan' to investigate the mysterious death of Sir Edward Blacksmith. It was easy at the beginning as we got answers to our questions but when we were about to solve the case, the 'department' ordered us to stop our investigation. Reason? They wanted to terminate the 'F.I.L.E.S.'. I found out later that they were involved in it.

Emily and I secretly carried on the case but things went out of hand. Emily was threatened and I was about to lose my job just because Duncan, the Pentagon and the government were implicated.

At last, I got my revenge. After a good court case between the 'department' (Emily and myself) and Duncan, we won the case. F.B.I. Agent Duncan McGillivary was sacked from the department and the 'F.I.L.E.S.' would still carry on. However Duncan caught us in another way. The mysterious death case had to be dropped. Emily and I remained silent. Although it was unfair to us we could not do anything.

Months after the incident, we continued the 'F.I.L.E.S.' solving cases from all over the world. The incident will always haunt me wherever I go, and the 'F.I.L.E.S.' philosophy will always remain in my mind.

PEOPLE ARE AFRAID OF THE FACTS OF LIFE.... THE TRUTH IS OUT THERE SOMEWHERE, YOU CAN DEFY IT BUT YOU CAN NEVER DENY IT.

Haresh Singh
3 Murni 1

MONDAY BLUES

Cornflakes were soggy
Cat licked my egg
On the school bus
Got thumped by Gary.

Sprung again talking
before morning bell
that Mrs. Zarrin can
sure make life hell!

Ticked off for homework
half out of ten.
Had to miss recess
and do it again.

Strife in Mathematics
With Mrs Zarrin
Sent out to stand on
the corridor.

Looking for battle
came Joey Hoo
He packs a wallop!
(so guess who lost)

Afternoon playtime
Calvin (my ex-mate)
Spread it around that
I fancy Jennifer.

Practised my footie,
